

03 APR 2000

MAHATHIR DIJANGKA HADIR MAJLIS MAKAM MALAM YAYASAN BUDIMAN UiTM

SHAH ALAM, 3 April (Bernama) --Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka hadir pada majlis makan malam Yayasan Budiman Universiti Teknologi Mara (YBUiTM) yang akan diadakan di Grand Ballroom, Sunway Lagoon pada 21 April ini.

Pengerusi majlis itu, Datuk Dr Sabree Salleh berkata majlis itu bertujuan mengumpul dana untuk mengisi tabung yayasan itu bagi membantu melicinkan pelbagai aktivitinya.

Beliau berkata antara aktiviti utama YBUiTM adalah untuk menyumbang dan mencari kepakaran profesional dan peralatan bagi membantu para pelajar Bumiputera.

"Tempat duduk untuk sebanyak 1,300 jemputan disediakan," katanya dalam sidang berita di Intekma Resort And Convention Centre di sini hari ini.

Katanya orang ramai terutama anggota Alumni UiTM dialu-alukan supaya mengambil bahagian dalam majlis itu dan mereka yang berminat diminta membuat tempahan lebih awal kerana tempat duduk terhad.

Sabri berkata beliau yakin majlis itu akan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan kerana sehingga kini UiTM sudah melahirkan lebih 150,000 graduan yang kebanyakannya sudah berjaya dalam bidang masing-masing.

Beliau berkata mereka yang berminat menyertai majlis itu boleh menghubungi urusetia melalui telefon 03-5518 1242, 5513 5549 atau 5512 9077 sambungan 1417.

-- BERNAMA

AZH RI